

Ada pihak cuba lagakan polis dengan tentera

BK - 3 JUN 1988

Oleh
NORAINI ISMAIL

SEREMBAN, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan adanya kumpulan tertentu yang menyebarkan khabar angin yang berniat jahat untuk melaga-lagakan dan menjelaskan hubungan baik di antara pasukan tentera dan polis.

"Mereka menyebarkan khabar angin kononnya ada jeneral-jeneral yang berasal dari Kelantan sudah memberi amaran kepada Ketua Polis Negara bahawa mereka akan mengambil alih pemerintahan negara jika Tengku Razaleigh ditangkap," kata Perdana Menteri.

"Ini adalah fitnah jahat yang cuba melaga-lagakan antara polis dan tentera. Nasib baik tentera kita bukan jenis yang mereka anggap," katanya ketika menjawab soalan daripada Ketua Umno cawangan Datuk Muda Linggi, Sheikh Mohamad Sheikh Hussein, di majlis dialog dengan pemimpin-pemimpin Umno Negeri Sembilan di Gelanggang Budaya Paroi, di sini hari ini.

"Tentera kita adalah tentera yang profesional dan polis kita adalah polis yang profesional. Mereka menjalankan tugas mereka mengikut aturan dan undang-undang negara," tegas beliau.

Fitnah

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sebelum ini beberapa fitnah dilemparkan ke atas diri beliau dan Ketua Polis Negara.

"Mereka membuat cerita kononnya Perdana Menteri memberi arahan kepada Ketua Polis Negara untuk menangkap Tengku Razaleigh. Ada sesetengahnya pula meletakkan diri mereka dengan nombor tertentu sebagai antara orang yang akan ditangkap nanti," katanya.

Menurutnya, fitnah-fitnah itu adalah satu bentuk simpati untuk mengelakkan diri mereka daripada ditangkap oleh kerajaan.

"Walaupun tindakan golongan itu jelas menunjukkan mereka memecah undang-undang, kita sebagai seorang Islam masih bersabar.

"Bagaimanapun, ini bukan bermakna kerajaan akan membiarkan keadaan itu. Sesiapa yang jelas melanggar undang-undang, kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan," tegasnya.

"Kerajaan sedang meneliti tingkah laku mereka dan jika cukup bukti mereka akan diha-

dapkan ke mahkamah," kata beliau ketika menjawab pertanyaan seorang pemimpin Umno dari bahagian Teluk Kemang, Encik Ishak Harun.

Sebelum itu dalam ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru mereka yang ingin menjadi ahli supaya segera

mendaftar.

Mereka ini tidak seharusnya bersikap 'tunggu, tengok dan lihat' untuk menyertai Umno kerana banyak kerja yang akan dilaksanakan.

Katanya usaha untuk menghidupkan semula Umno 1946 adalah satu khayalan.